

U B533 BAH  
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 DIS (BERNAMA) -- SATU DAFTAR ORANG TERMISKIN PERLU **DIWUJUDKAN** DI SETIAP DAERAH **BAGI** MENENTUKAN PROJEK ATAU BANTUAN KERAJAAN BENAR-BENAR SAMPAI KEPADA GOLONGAN TERMISKIN DAN HANYA MEREKA YANG LAYAK **MENERIMA**, KATA **PERDANA MENTERI**, DATUK SERI DR MAHATHIR **MOHAMAD**, HARI INI.

**MENURUT** BELIAU, PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN DI KALANGAN PENDUDUK TERMISKIN DENGAN PERUNTUKAN 9391 **JUTA** YANG DILANCARKAN TAHUN **INI** BERTUJUAN MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN KEPADA SEKURANG-KURANGNYA 17 PERATUS **PADA** TAHUN 1990.

ANTARA LANGKAH KERAJAAN MEMBASMI KEMISKINAN IALAH MENERUSI PEMBANGUNAN **TANAH BARU**, WILAYAH DAN PENEMPATAN **SEMULA**, PEMULIHAN **TANAH** DAN PENANAMAN **SEMULA**, PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN **BERSEPADU**, TERNAKAN DAN PERIKANAN DAN PERKHIDMATAN **SOSIAL** DAN PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR **ASAS**, KATANYA KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN DARIPADA DATUK HAJI MOHD ABU BAKAR RAUTIN IBRAHIM (**BN-KUALA KEDAH**) **DI DEWAN RAKYAT** DI **SINI**.

**PERDANA MENTERI** BERKATA KADAR KEMISKINAN **DI** SEMENANJUNG MALAYSIA BERKURANGAN DARIPADA 49.3 PERATUS DALAM TAHUN 1970 KEPADA 17.3 PERATUS DALAM TAHUN 1987 MANAKALA KADAR **DI** SABAH KURANG DARIPADA 58.3 PERATUS DALAM 1976 KEPADA 35.3 PERATUS **PADA** TAHUN **1987**. **BAGI** SARAWAK, IA BERKURANGAN DARIPADA 56.5 PERATUS **PADA** 1976 KEPADA 24.7 PERATUS **PADA** TAHUN 1987.

SEMASA MENJAWAB **SOALAN** TAMBAHAN DARIPADA ENCIK LEE LAM THYE (**DAP-BUKIT BINTANG**), BELIAU BERKATA KELUARGA **TERMISKIN** YANG MENERIMA BANTUAN ISTIMEWA KERAJAAN ADALAH MEREKA YANG BERPENDAPATAN BULANAN PER KAPITA **\$35** ATAU KURANG DARIPADA **\$175** SEKELUARGA. -- **LAGI**  
1819MST 07 12 89

U B534 BAH  
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

GOLONGAN ITU PERLU MENERIMA BANTUAN KERAJAAN KERANA-MEREKA TIDAK **BOLEH LANGSUNG** Mencari nafkah **BERSENDIRI**, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENDAPATAN SEKELUARGA YANG KURANG DARIPADA \$300 TIDAK BOLEH DITAKRIFKAN SEBAGAI TERMISKIN KERANA ADA **LAGI** GOLONGAN-GOLONGAN YANG LEBIH **MISKIN**.

+KADANGKALA ORANG YANG BERPENDAPATAN **\$1,000** SEBULAN **JUGA** MENGAKU **MISKIN**,+ KATANYA DAN MENAMBAH SESEBUAH KELUARGA YANG BERPENDAPATAN 9175 ADALAH DARIPADA GOLONGAN **+HARDCORE+** MISKIN.

BELIAU **JUGA** BERKATA KERAJAAN TIDAK MENGAMALKAN SIKAP **PERKAUMAN** KETIKA MENGAGIH-AGIHKAN BANTUAN PERUNTUKAN YANG SEJUMLAH **\$391 JUTA** ITU DALAM USAHA MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN DI SELURUH NEGARA. --  
BERNAMA

1821MST 07 12 89